

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



TAKLIMAT PERUNDINGAN PEMASARAN DAN PROMOSI HARTA INTELEK (IP) DAN TEKNOLOGI PERLESENAN

info kampus

72nd ISSUE

29

Oleh: Juferi idris

Pada 3 Mei 2016 yang lepas, Research Innovation Business Unit (RIBU) telah berjaya menganjurkan satu program "Taklimat perundingan pemasaran dan promosi harta intelek (IP) dan teknologi perlesenan" bertempat di Bilik Mesyuarat MASMED, Kampus 2, UiTM Kota Samarahan. Program ini telah dihadiri oleh 12 orang peserta yang pernah menyertai pertandingan SIIDEx 2016 di UiTM Sarawak sebelum ini dan yang telah menghantar permohonan dana harta intelek ke *Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)*.

Dr. Ng Sing Kwei dari Platcom Ventures Sdn. Bhd. telah dijemput sebagai penceramah bagi program tersebut. Beliau merupakan salah seorang pakar dalam bidang pengkomersilan harta intelek yang sangat berpengalaman dalam menterjemahkan pelaburan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada penjana pendapatan.

Perundingan yang berlangsung selama tiga jam ini dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pertama ialah pemasaran dan promosi IP dan sesi kedua merupakan pengenalan kepada teknologi perlesenan kepada peserta. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang "elevator pitching" sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran. Selain itu, peserta juga turut didedahkan tentang cara-cara IP yang telah didaftar untuk dikomersilkan melalui pemberian kepada pihak ketiga daripada *lisensor* kepada *licensee*.

Program ini, secara kesimpulannya, telah berjalan dengan jayanya. Objektif-objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai dan adalah menjadi harapan supaya program seperti ini dapat terus dilanjutkan dan diperkembangkan untuk melibatkan lebih ramai peserta di masa akan datang.



Sesi taklimat

PRISMATICS Bersama Penghuni Jabatan Kebajikan Masyarakat

Oleh: Puteri Faida Alya binti Zainuddin

Pada 19 Mac 2016 yang lalu, seramai 36 pelajar beserta 4 pegawai pengiring telah berkumpul di UiTM Samarahan dan bergerak ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Taman Seri Puteri, Kuching bagi tujuan Lawatan Sehari. Lawatan ini telah dianjurkan oleh Persatuan Sains Matematik (PRISMATICS) di bawah Jabatan Sains Matematik bagi mendekati dan mengenali penghuni wanita di bawah umur 18 tahun yang bermasalah dan pada masa kebajikan demi keselamatan pelajar. Semasa sesi ini berlangsung, peserta sentiasa dipantau oleh pegawai dari jabatan outdoor. Kemuncak bagi aktiviti ini adalah sesi luahan kisah hidup penghuni-penghuni tersebut, namun bagi menjaga sensitiviti penghuni tersebut peserta tidak dibenarkan untuk mengambil gambar mereka. Pada penutupnya pula, PRISMATICS turut menyampaikan bantuan pakaian dan barang-barang terpakai untuk diberikan kepada anak-anak yatim di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuching.



Bergambar dahulu sebelum memulakan aktiviti sukaneka "Station Games"



Ahli PRISMATICS bermain rebut kerusi untuk permainan indoor



Penyampaian cenderahati kepada pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my